



KENYATAAN MEDIA

YONG CHOH KEMBALI MENGAUM DI ALAM RIMBA

YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam telah menyempurnakan Majlis Perasmian Tongkang Pemindahan Hidupan Liar dan Pelepasan Hidupan Liar di Taman Negara Terengganu, Tasik Kenyir, Terengganu.

Program ini telah mencatatkan detik bersejarah apabila buat pertama kalinya seekor Harimau Malaya liar yang dinamakan Yong Choh yang telah diselamatkan daripada konflik manusia dan hidupan liar serta melalui proses rehabilitasi di Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (*National Wildlife Rescue Centre - NWRC*), Sungkai, Perak dilepaskan semula ke habitat semula jadinya secara saintifik dan terancang.

Harimau Malaya betina yang dianggarkan berumur tujuh (7) tahun tersebut telah ditangkap di Kampung Choh, Sungai Siput, Perak pada 22 Julai 2026 dan selesai menjalani pemeriksaan kesihatan meliputi pemeriksaan veterinar, persampelan darah dan pemeriksaan penyakit. Yong Choh disahkan sihat oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia dan boleh dilepaskan semula ke habitat semula jadi.

Selain itu, gajah yang pernah terlibat dengan konflik sebelum ini turut dilepaskan semula ke habitat semula jadi. Program ini merupakan satu langkah strategik Jabatan PERHILITAN dalam memperkukuhkan usaha pemuliharaan spesies Harimau Malaya dan Gajah Asia.

Program ini bukan sahaja dapat meningkatkan populasi hidupan liar di habitat asal, malah berperanan dalam mengurangkan konflik manusia dan hidupan liar serta menambah kepelbagaian genetik populasi hidupan liar yang dilepaskan. Antara hidupan-hidupan liar lain yang telah dilepaskan oleh Jabatan PERHILITAN ke habitat semula jadi sebelum ini ialah Harimau Kumbang, Rusa Sambar, kijang, tenggiling, Musang Pandan, pelanduk dan napuh.

Dalam program ini, YB Menteri turut berpeluang merasmikan tongkang pemindahan hidupan liar yang digunakan untuk pelepasan hidupan liar khususnya bagi spesies hidupan liar bersaiz besar seperti gajah ke habitat semula jadi. Tongkang pemindahan hidupan liar tersebut dinamakan sebagai Ele Max (*Elephas maximus* @ Kenyir) sempena nama saintifik Gajah Asia iaitu *Elephas maximus*.

Turut hadir dalam program ini ialah YBhg. Dato' Khalid bin Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) dan YBhg. Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim, Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

6 SEPTEMBER 2026

